

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG
(BUKIT MERTAJAM)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26.03.2018

Y.B. TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTAJAM] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik jumlah hutang isi rumah biasa, mengikut kategori pendapatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Jumlah hutang isi rumah sebagai nisbah kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) semakin berkurang kepada 84.3% pada Disember 2017, daripada 88.3% pada tahun 2016 (2015: 89%). Pengurangan ini disebabkan terutamanya oleh kadar pertumbuhan tahunan hutang isi rumah yang terus menyederhana iaitu 4.9% pada 2017 berbanding 5.4% bagi tahun 2016 dan 14.2% bagi tahun 2010.

2. Mengikut kategori pendapatan, individu dalam kumpulan pendapatan melebihi RM10,000 sebulan merangkumi bahagian terbesar hutang isi rumah terkumpul (33.1%).

3. Peminjam dalam segmen pendapatan yang lebih mudah terjejas, iaitu individu dalam kumpulan pendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan pula hanya merangkumi 19.9% daripada jumlah hutang isi rumah (2013: 28.4%). Kebanyakan peminjam daripada golongan ini mempunyai nisbah khidmat hutang (*debt service ratio*, DSR) pada tahap yang berhemat. Lebih separuh daripada hutang yang baru diluluskan kepada golongan ini mempunyai DSR kurang daripada 40%. Selain daripada itu, sebanyak 57.5% jumlah hutang isi rumah adalah untuk tujuan pengumpulan aset iaitu pembelian harta kediaman dan pembelian sekuriti.

4. Bagi mempertingkatkan kesedaran dan kemahiran pengurusan kewangan dan penyusunan semula hutang dalam kalangan masyarakat, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) telah melaksanakan program yang meliputi pelbagai lapisan umur. Sehingga Disember 2017, seramai 205,000 pengguna telah menyertai program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!) dan 201,000 peminjam telah menyertai Program Pengurusan Hutang yang

91

dikendalikan oleh AKPK. Selain daripada itu, Kerajaan sedang menggubal Akta Kredit Pengguna (AKP) yang akan memperkukuh rangka kerja pengawalseliaan aktiviti kredit pengguna di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Kerajaan akan terus memantau tahap hutang isi rumah dan meneruskan langkah yang sedia ada bagi memastikan sektor isi rumah kekal mapan dan berdaya tahan.